

06 JUL 1999

Mahathir-Pelaburan

MALAYSIA JANGKA LEBIH BANYAK PELABURAN ASING

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan yakin lebih banyak syarikat asing akan melabur atau melabur semula di Malaysia berdasarkan pemulihan ekonomi negara yang kukuh.

Sebagai contoh, katana, Siemens, syarikat yang berpusat di Jerman, terus melabur di Malaysia meskipun banyak firma tempatan dan asing terpaksa menutup operasi berikutan krisis kewangan Asia pada pertengahan 1997.

"Ia menunjukkan bahawa pelabur-pelabur asing masih yakin kepada ekonomi Malaysia," katanya ketika melancarkan Siemens' Future1@b, makmal multimedia terancang syarikat itu, di Menara Berkembar Petronas di sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia berminat menarik lebih banyak pelabur yang boleh meningkatkan pembangunan industri berteknologi tinggi di negara ini.

"Kita berharap anda dapat melihat potensi Malaysia -- sebagai paksi Asia, yakin mengenai masa depannya, berazam memenuhi matlamat Wawasan 2020 -- sebagai rakan yang boleh diharap dan dipercayai," katanya.

Dr Mahathir berkata berikutan krisis kewangan, pihak yang menganggap diri mereka penganalisis, telah mengetepikan langsung Malaysia dengan mendakwa negara ini di ambang keruntuhan.

"Tetapi kita sekali lagi membuktikan telahan pengkritik itu salah," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata kesejahteraan Malaysia kini menjadikan rakyat lebih yakin untuk bersama menangani cabaran masa depan dalam konteks negara, serantau dan antarabangsa,

"Dengan memutuskan untuk maju, tidak bermakna kami menganggap dunia ini milik kami.

"Tetapi kami memang berminat untuk sama-sama berusaha menjadikan dunia ini sebagai tempat lebih baik dan menjadi rakan dalam proses membuat keputusan dalam isu-isu utama," katanya.

-- BERNAMA

ES LAT MAI